

22 JAN 2004

Abdullah-PAS

UMNO SEDIA KERJASAMA DENGAN PAS BANTERAS MASALAH SOSIAL - PM

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Umno sedia berganding bahu dengan PAS untuk mencari jalan membanteras isu-isu yang berkaitan dengan akidah, pembangunan ummah dan negara, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Bagi saya boleh kita bincang hal-hal yang khusus. Kita harap perkara yang tidak menimbulkan perbalahan orang Islam...terutama isu-isu yang berkaitan dengan akidah. Saya ingat perkara ini tidak patut dijadikan isu dalam politik," kata Perdana Menteri.

Abdullah yang juga Pemangku Presiden Umno, berkata apa yang penting adalah bagaimana "kita memberi perhatian dengan hal berkaitan pembangunan ummah dan negara."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengunjungi rumah terbuka Tahun Baru Cina parti Gerakan di Menara PGRM di sini. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, menteri kabinet dan duta asing.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang turut hadir dengan isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, memeriahkan lagi suasana rumah terbuka itu yang dihadiri lebih 5,000 orang.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang semalam, yang berkata parti pembangkang itu sanggup berkerjasama dengan Umno untuk berbincang isu jenayah berat yang kini semakin berleluasa.

"Mungkin kita (juga) boleh kerjasama dengan dasar-dasar luar negara yang berkaitan dengan kepentingan negara kita, dan berkaitan dengan kewibawaan negara kita...kita perlu sama-sama pertahankan," katanya.

Beliau berkata pada hakikatnya sudah pun ada tanda-tanda kedua-dua parti itu boleh bekerjasama terutama sekali isu-isu berkaitan Iraq, Palestin dan Afghanistan.

"Sebenarnya selama ini pun sudah ada tanda-tanda yang kita boleh

bekerjasama (dalam) hal-hal yang berkaitan dengan Iraq, Palestin, Afghanistan. Ini adalah isu-isu antarabangsa yang mendapat sokongan daripada rakyat Malaysia semua kaum tanpa mengira agama yang dianuti.

"Saya percaya kita perlu ada persefahaman dengan parti-parti pembangkang bukan sahaja PAS," kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Abdullah mengesahkan bahawa beliau ada bercakap melalui telefon dengan presiden Palestin Yasser Arafat semalam mengenai perkembangan terkini di sana seperti yang dilaporkan Agensi Berita Bahrain (BNA) lewat semalam.

"Ya ia (laporan) itu benar," katanya semasa diminta mengesahkan laporan agensi berita itu.

Ditanya lagi mengenai butiran perbualan mereka, beliau berkata: "saya tidak boleh mendedahkan kepada anda kandungan perbualan saya dengan Yasser Arafat."

Laporan agensi berita itu menyebut bahawa kedua-dua pemimpin bersepakat untuk menyelaraskan pendirian berhubung isu pembinaan Tembok Pemisah yang telah dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Hague.

Laporan itu menyatakan Abdullah memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus memberi sokongan kepada rakyat Palestin dalam perjuangan mereka dan mencapai matlamat menubuhkan negara Palestin di bumi sendiri.

-- BERNAMA
SR AZZ RON